

Jumlah pelajar MARA ke Korea akan ditambah

Putrajaya: Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menambah jumlah pelajar dari insitituti pengajian tinggi milik MARA melanjutkan pengajian ke universiti di Korea Selatan dalam masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Rina Harun, berkata MARA sudah menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan bersama dua universiti negara berkenaan, Universiti Hanyang dan Ewha Woman's University.

Ketika ini, ada 29 pelajar Pra Korea Universiti Kuala Lumpur (UniKL)-Malaysian Institute of Information Technology (MIIT) melanjutkan pengajian ijazah pertama dan tiga pelajar pasca ija-

zah/doktor falsafah (PhD) di Universiti Hanyang.

Di Ewha Woman's University pula, seramai tujuh pelajar UniKL sedang mengikuti program bahasa Korea dan lima lagi di bawah tajaan MARA mengikuti pengajian ijazah pertama.

Dua pemsyarah dari Ewha Woman's University turut ditugaskan membantu mengendalikn pembelajaran Bahasa Korea di UniKL sebagai persiapan pelajar sebelum menyambung pengajian di universiti berkenaan.

Bercakap pada sidang media selepas perhimpunan bulanan menteriannya di sini semalam, Rina berkata, setiap tahun, 20 pelajar tajaan MARA akan dihantar



Rina Harun

melanjutkan pengajian di dua universiti berkenaan dan jumlahnya akan ditambah sehingga 100 peratus.

"Saya sudah berbincang de-

ngan dua universiti berkenaan dan antara cadangan adalah pelajar yang mendapat tawaran, akan mengikuti program diploma dua tahun di negara ini sebelum menyambung peringkat ijazah selama dua tahun lagi di Korea," katanya.

Beliau menjelaskan, sepanjang dua tahun belajar di negara ini, pelajar akan diberi pendedahan berkaitan budaya dan bahasa Korea, sekali gus memudahkan mereka apabila berada di negara terbabit.

Dalam perkembangan berkaitan, Rina berkata, penghantaran pelajar Malaysia ke Jepun menerusi Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun (MJHEP) akan diteruskan dalam usaha memper-

kasa hubungan antara dua negara.

MJHEP adalah satu daripada program Dasar Pandang ke Timur yang diilhamkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1982.

"Kita berharap jumlah pelajar dihantar tahun depan meningkat, sejajar pertambahan program bersama 24 universiti terkemuka di negara itu," kata Rina.

Ketika ini, katanya, 285 pelajar MJHEP mengikuti pengajian ijazah kejuruteraan elektrik dan mekanikal selama dua tahun di Jepun selepas mengikuti program persediaan tiga tahun di kampus MARA-Japan Industrial Institute (MJII) di Beranang, Selangor.

Ad
P1) 01/01
2 2nd
12/10/2011